

HIDUPAN MARIN

Lautan di sekeliling Malaysia merupakan antara kawasan yang mempunyai biodiversiti tertinggi di dunia. Bagaimanapun, hidupan marin pada masa ini selalunya tidak dianggap penting kerana kepentingannya tidak diketengahkan walaupun 70 peratus (%) daripada bumi dilitupi lautan. Terdapat banyak pulau di Malaysia yang dilindungi kerana merupakan habitat bagi hidupan marin. Tindakan melindungi kawasan maran adalah bagi mengekalkan kewujudan hidupan marin. Selain daripada melindungi hidupan marin, pulau-pulau di Malaysia juga dijadikan sebagai kawasan pelancongan. Kegiatan pelancongan merupakan salah satu sumber pendapatan negara.

Ramai tidak mengetahui bahawa terdapat pelbagai jenis hidupan marin atau hidupan akuatik yang merupakan khazanah alam yang patut dilindungi. Pelbagai aktiviti yang dapat dilakukan dan dijadikan sebagai produk pelancongan. Pengunjung yang mengunjungi kawasan pelancongan ini dapat melihat dan membuat pengecaman hidupan akuatik apabila mereka menjalankan aktiviti yang sesuai seperti *snorkeling* dan *scuba-dive*. Aktiviti ini biasanya dijalankan di kawasan yang mempunyai terumbu karang bagi membolehkan mereka mengenal pasti pelbagai jenis hidupan akuatik, terutamanya ikan. Aktiviti ini dijalankan tanpa merosakkan terumbu karang yang tumbuh di dasar lautan.

Aktiviti *scuba-dive* atau menyelam biasanya dilakukan di kawasan laut dalam manakala *snorkeling* pula dilakukan di kawasan yang cetek dan tidak terlalu dalam. Justeru, untuk membolehkan kedua-dua aktiviti ini dilakukan, air laut perlulah dalam keadaan yang jernih, yakni tidak tercemar.

Bagi memastikan hidupan marin dapat hidup dengan baik, habitat hidupan ini mestilah dipelihara. Habitat yang utama ialah kawasan terumbu karang. Para saintis telah mengetengahkan bahawa terumbu karang dikelaskan sebagai haiwan yang boleh membiak dan memakan organisma lain. Terdapat pelbagai bentuk terumbu karang yang boleh diperhatikan di dasar laut yang cetek seperti terumbu berbentuk ranting (*branching*) dan *brain*.

Terumbu karang telah dikenal pasti sebagai agen yang dapat melindungi pinggir pantai daripada terhakis oleh ombak. Dalam bidang perubatan pula, terumbu dan batu karang dikatakan amat sesuai digunakan bagi menggantikan tulang (berbanding penggunaan besi). Selain itu, kajian juga telah menunjukkan bahawa terumbu dan batu karang dapat dijadikan ubat "*antibody*" dan "*anticancer*". Oleh itu, terumbu dan batu karang perlu dilindungi dan tidak dimusnahkan.

Malaysia dikelilingi oleh lautan yang mempunyai beratus ribu atau mungkin berjuta kumpulan organisma termasuk plankton, sepan, terumbu karang, sotong, udang, ketam dan sebagainya. Masih banyak ruang kosong dalam bidang marin yang boleh diterokai. Bilangan spesies organisma marin yang masih belum diketahui secara tepat dan mendalam terutama sekali bagi negara kita masih lagi banyak. Penemuan pelbagai spesies marin yang baru, antaranya cacing dengan tubuh berwarna-warni dan lebih

kurang 160 spesies rumpair laut yang unik oleh pengkaji luar negara di wilayah French Frigate Shoals di barat laut Hawaii bukan sahaja menambahkan bilangan spesies marin tetapi juga dijadikan iktibar kepada pengkaji negara kita untuk menjalankan usaha yang sama di perairan negara kita.

Hidupan marin merupakan khazanah yang perlu dipelihara. Hal ini kerana hidupan marin menyumbang kepada kepelbagaian biologi yang turut melengkapkan ekosistem sesuatu kawasan. Kewujudan hidupan marin haruslah dikekalkan dan dielakkan daripada kemusnahan.

Disediakan oleh,

Hendrick J. Langkan & Muhd Aiman Kasri
5 Rasional 2008
SMK Sandakan
Julai/Ogos 2008

